



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**TEKS UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN TAEKWONDO TERBUKA  
PERTAMA VICTORY**

**11 MEI 2024**

**PUSAT KOMUNITI SENTUL PERDANA  
KUALA LUMPUR**

Terima kasih pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

**Yang Berhormat P. Prabakaran**

Ahli Parlimen Batu

Barisan Ahli Jawatankuasa Kelab  
Taekwondo Victory

Para peserta dan hadirin sekalian

Assalamualaikum                      warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu, saya amat berbesar hati kerana pada hari ini, kita dapat bersama-sama hadir dalam satu acara sukan yang julung-julung kalinya diadakan iaitu Kejohanan Taekwondo Terbuka Victory.
2. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan kejohanan seni bela diri ini di Wilayah Persekutuan.

3. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua peserta dan pasukan yang mengambil bahagian dalam kejohanan kali ini.
  
4. Saya dimaklumkan bahawa kejohanan ini disertai oleh lebih 1,000 orang peserta dari dalam dan luar negara, selain penyertaan mewakili 40 kelab, sekolah, Majlis Sukan negeri serta sekolah sukan dan kelab dari luar negara.

## **NILAI SUKAN TAEKWONDO KE ATAS DIRI INDIVIDU**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

5. Sukan taekwondo bukan sekadar sukan yang biasa, sebaliknya ia merupakan satu cabang sukan yang melambangkan nilai-nilai kehidupan kerana ia menggabungkan kesenian, disiplin dan komitmen yang tinggi.
  
6. Justeru, sukan ini lebih sinonim dengan nilai kehidupan di mana untuk mencapai sesuatu kejayaan, ia perlulah menerusi usaha yang bersungguh-sungguh dan konsisten.

7. Selain itu, taekwondo juga bukan sahaja sukan fizikal, malah turut melibatkan aspek mental seseorang. Ia secara tidak langsung, dapat mengajar dan memupuk dalam diri seseorang individu tentang erti ketekunan, kesabaran dan kawalan diri.
8. Elemen-elemen inilah yang sebenarnya sangat diperlukan sebagai asas untuk membina nilai kehidupan yang lebih kukuh.
9. Saya difahamkan, kejohanan ini merupakan kejohanan pertama yang dianjurkan oleh Kelab Taekwondo Victory yang melibatkan kerjasama dari Wenwi Martial Arts.

10. Saya turut dimaklumkan, kejohanan ini merupakan program gabungan bersama Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Batu dan Persatuan Sosial Rekreasi dan Minda.
  
11. Sehubungan itu, dengan adanya kejohanan ini, sudah pasti ia dapat mencungkil bakat anak muda, selain menjadi platform pengukuhan sukan seni bela diri dalam kalangan warga Sentul.

## **SUKAN            MENYOKONG            USAHA MENJADIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN SEBUAH BANDAR SIHAT**

Para hadirin sekalian,

12. Di Wilayah Persekutuan, saya amat menggalakkan penglibatan rakyat dalam aktiviti-aktiviti sukan bagi menyokong usaha untuk melahirkan sebuah bandar yang sihat atau Healthy City, iaitu salah satu komponen dalam Bandar CHASE yang saya perkenalkan baru-baru ini.

13. Sebagai sebuah negara membangun, adalah penting untuk kita memastikan bahawa persekitaran bandar kita tidak hanya membolehkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, malah turut mampu mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.
  
14. Antara komponen dalam mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat ini ialah dengan menggalakkan pembangunan infrastruktur sukan dan rekreasi di bandar dan kawasan-kawasan perbandaran.

15. Pembinaan seperti taman-taman awam, gelanggang sukan dan laluan pejalan kaki serta basikal adalah antara langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan rakyat dapat mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat.
  
16. Namun begitu, tugas dan tanggungjawab pembangunan bandar yang sihat ini bukanlah jatuh di bawah tanggungjawab Kerajaan semata-mata, tetapi penglibatan semua pihak seperti individu, industri dan NGO juga turut perlu memainkan peranan mereka yang tersendiri.

17. Sehubungan itu, penglibatan Kelab Taekwondo Victory atau mana-mana NGO dalam aktiviti pembangunan sukan seperti hari ini amat saya sokong penuh dan alu-alukan.

## **PENUTUP**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

18. Akhir kata, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada semua peserta yang terlibat dalam kejohanan ini.

19. Sekalung tahniah juga saya ucapkan kepada Jawatankuasa Pertandingan yang bertungkus lumus dalam memastikan kejohanan ini berjaya dilaksanakan seperti hari ini.
  
20. Untuk itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Kejohanan Taekwondo Terbuka Pertama Victory.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah  
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

Terima kasih.